# PENDIDIKAN ISLAM 1223/1
# KERTAS 1

## UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam.** Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Paeraturan Pemarkahan ini mengandungi 11 halaman bercetak



**1223/1** © 2022 Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam

| NO. SOALAN | | | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| **1** | (a) | (i) | Maksud sunnatullah :<br><br>- Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk (1m) dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan tersebut. (1m) | 2 x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** kesan memahami sunnatullah terhadap individu :<br><br>- Meyakini setiap yang berlaku dalam kehidupan mengikut kehendak dan ketetapan Allah SWT yang Maha Bijaksana.<br>- Menerima ketetapan Allah SWT dengan bersikap positif dalam setiap keadaan.<br>- Membentuk jati diri dan semangat jihad yang tinggi dalam berdepan dengan cabaran kehidupan.<br>- Mengkaji dan menyelidiki kejadian alam untuk pembangunan dan kemajuan umat Islam.<br>- Merancang strategi dengan teliti dalam setiap tindakan untuk mencapai kejayaan.<br><br>**Catatan :**<br>***Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.*** | 2 x 1m = 2m |
| | | (iii) | **Dua** pengajaran ayat :<br><br>- Kita hendaklah meyakini bahawa Allah SWT mengatur kehidupan manusia (1m) bersesuaian dengan peraturan dan ketetapan-Nya.(1m)<br>- Kita hendaklah menjadi pengembara di muka bumi (1m) supaya dapat mengetahui dan menyelidiki sunnatullah. (1m)<br>- Kita hendaklah mengkaji dan menyelidiki sejarah umat terdahulu (1m) agar menjadi pedoman dalam kehidupan. (1m)<br>- Kita hendaklah meyakini bahawa al- Quran ialah petunjuk ke arah kebenaran (1m) bagi orang yang beriman dan bertakwa. (1m)<br>- Kita hendaklah menjauhi sikap lemah dan mudah berputus asa (1m) ketika menerima ujian dalam kehidupan. (1m)<br>- Kita hendaklah menjaga keimanan (1m) agar beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT. (1m) | 2 x 2m = 4m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| | (b) | (i) | **Dua** golongan yang mendapat naungan daripada Allah SWT :<br><br>- Pemimpin yang adil.<br>- Pemuda yang hidupnya taat beribadah kepada Allah SWT.<br>- Seseorang yang hatinya sentiasa mencintai masjid.<br>- Dua orang yang saling mengasihi kerana Allah SWT, bertemu dan berpisah kerana Allah SWT.<br>- Seseorang yang membenci maksiat kerana takut kepada Allah SWT.<br>- Seseorang yang menyembunyikan sedekahnya.<br>- Seseorang yang mengingati Allah SWT secara bersendirian sehingga menitis air mata. | 2 x 1m = 2m |



**1223/1** © 2022 Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Contoh seseorang yang menyembunyikan sedekah :<br><br>- Memberikan sumbangan kewangan secara perbankan dalam talian (online banking).<br>- Mewakafkan tanah bagi tujuan pembinaan masjid atau tanah perkuburan Islam.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Cara menjauhi perbuatan maksiat :<br><br>- Memperbanyakkan berzikir (mengingat Allah )pagi dan petang (1m) agar diri terpelihara melakukan kemungkaran. (1m)<br>- Sentiasa menuntut ilmu terutama ilmu tentang agama Islam (1m) untuk membezakan mana yang boleh dilakukan dan tidak. (1m)<br>- Memperbaiki dan memperbanyakkan ibadah semampunya (1m) agar seseorang membenci perbuatan maksiat dan menjauhinya. (1m)<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.</td><td>2 x 1m=2m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Jawapan KBAT : Langkah yang boleh dilaksanakan untuk menarik minat masyarakat datang ke masjid.<br><br>RUBRIK JAWAPAN :<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu bukti sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan Jawapan :<br>Saya akan menjadikan masjid sebagai pusat aktiviti dengan mewujudkan beberapa kemudahan seperti pusat sukan (I-1m) melaluinya, aktiviti sukan tahunan masjid boleh dianjurkan oleh mana-mana pihak. (H-1m) Kesannya, dapat menarik minat golongan belia untuk datang ke masjid. (HK-1m) Kesimpulannya, kita hendaklah memberi sokongan terhadap aktiviti masjid agar wujud perasaan cinta akan masjid. (K-1m)<br><br>Cadangan Isi :<br>- Kempen kesedaran mencintai masjid.</td><td>I =1m<br>H =1m<br>HL =1m<br>K =1m<br><br>4 markah</td></tr>
</table>



**1223/1** © 2022 Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>- Penganjuran aktiviti kemasyarakatan.<br>- Pemberian insentif kehadiran datang ke masjid.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Hukum Mad Lazim :<br><table><tr><td>Mad Lazim Harfi Musaqqal</td><td>الٓمٓ</td><td>(i)</td></tr><tr><td>Mad Lazim Harfi Mukhaffaf</td><td>عٓسٓقٓ</td><td>(ii)</td></tr></table></td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud al- Raqib :<br><br>- Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Mengawasi (1m) semua perbuatan dan keadaan makhluk. (1m)</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua bukti Allah SWT bersifat al- Raqib :<br><br>- Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya.<br>- Allah SWT Maha mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia.</td><td>2 x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Jawapan KBAT - Berdasarkan syair di atas huraikan pendapat anda akibat tidak beriman kepada al- Raqib.<br><br>RUBRIK JAWAPAN :<table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu bukti sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan Jawapan :<br>Pada pendapat saya, akibat tidak beriman kepada al- Raqib akan mudah melakukan dosa dan kesalahan yang dilarang oleh agama (I-1m) kerana merasakan apa yang dilakukan tidak mendapat perhatian dan pengawasan daripada Allah SWT. (H-1m) Kesannya, maksiat akan berleluasa dan menjadikan siapa yang kuat dialah yang akan berkuasa. (HL-1m) Kesimpulannya, kita hendaklah hidup berlandaskan al- Quran dan hadis agar tidak hidup dalam kesesatan dan kejahilan. (K-1m)</td><td>I =1m<br>H =1m<br>HL =1m<br>K =1m<br><br>4 markah</td></tr>
</table>



**1223/1** © 2022 Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Cadangan Isi :**<br>- Jiwa dalam keadaan resah gelisah.<br>- Leka dengan kemewahan.<br>- Mudah berputus asa.<br>- Tidak bertanggungjawab.<br><br>**Catatan :**<br>***Mana-mana isi jawapan yang sesuai berserta huraiannya diterima.*** | |
| | (b) | (i) | Contoh perbuatan yang membatalkan iman :<br>- Sujud kepada berhala atau makhluk dengan sengaja.<br>- Meletakkan peralatan agama lain dan memberikan penghormatan kepadanya.<br>- Melakukan upacara ibadat agama lain.<br>- Mengoyak mashaf al- Quran atau meletakkan ayat suci di tempat yang tidak sesuai dengan tujuan menghina. | 1 x 2m = 2m |
| | | (ii) | Syarat terbatal iman :<br><br>- Mengetahui perkara yang dilakukan membawa diri kepada kufur.<br>- Mengingkari perkara asas dalam Islam seperti perkara yang berkaitan dengan rukun iman dan rukun Islam.<br>- Melakukan perkara yang jelas membawa diri kepada kufur.<br>- Melakukan sesuatu perkara dengan sengaja dan pilihan sendiri tanpa paksaan. | 1 x 2m = 2m |
| | | (iii) | Kesan kepada seseorang muslim yang melakukan perbuatan membatalkan iman :<br><br>- Rosak segala amalan soleh dan ibadah yang dilakukan.<br>- Tidak diampunkan dosanya oleh Allah SWT sekiranya tidak bertaubat dan kembali kepada Islam.<br>- Diharamkan memasuki syurga sebaliknya kekal dalam neraka.<br>- Hilang hak terhadap harta pusaka yang ditinggalkan oleh keluarga muslim. | 1 x 2m = 2m |
| | | (iv) | **Dua** cara anda menjauhi perbuatan yang membatalkan iman :<br><br>- Mendalami ilmu akidah Islam (1m) supaya dapat mendalami batas-batas iman dan kufur. (1m)<br>- Bersahabat dengan orang soleh (1m) yang dapat membimbing diri kepada kebaikan. (1m)<br>- Melakukan amal soleh (1m) yang boleh mengukuhkan keimanan dan keyakinan kepada Allah SWT dan rasul-Nya. (1m)<br>- Sentiasa berdoa dan memohon petunjuk daripada Allah SWT (1m) agar sentiasa istiqamah dalam agama Islam. (1m)<br>- Sentiasa beristighfar dan memohon keampunan daripada Allah SWT (1m) atas dosa yang dilakukan. (1m) | 2 x 2m = 4m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |



**1223/1** © 2022 Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam

<table>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Empat rukun haji :<br><br>- Niat mengerjakan haji.<br>- Wukuf di Arafah.<br>- Tawaf di Kaabah.<br>- Sai.<br>- Bergunting atau bercukur rambut.<br>- Tertib pada kebanyakan rukun.</td><td>4 x 1m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Larangan ihram dari aspek pakaian :<br><br>- Memakai pakaian berjahit atau bercantum.<br>- Menutup kepala.<br>- Menutup muka.<br>- Memakai sarung tangan.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua perbezaan antara haji dan umrah :<br><br>
<table>
<tr><th>ASPEK</th><th>HAJI</th><th>UMRAH</th></tr>
<tr><td>Waktu</td><td>Dikerjakan pada bulan haji sahaja.</td><td>Pada bila-bila masa sepanjang tahun.</td></tr>
<tr><td>Rukun</td><td>Wajib wukuf.</td><td>Tiada wukuf.</td></tr>
<tr><td rowspan="4">Perkara wajib</td><td>Melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga Jamrah.</td><td>Tiada melontar 7 anak batu pada ketiga-tiga Jamrah.</td></tr>
<tr><td>Bermalam di Muzdalifah</td><td>Tiada bermalam di Muzdalifah</td></tr>
<tr><td>Bermalam di Mina.</td><td>Tiada bermalam di Mina.</td></tr>
<tr><td>Melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra.</td><td>Tiada melontar 7 anak batu di Jamrah Kubra.</td></tr>
</table>
</td><td>2 x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud walimatulurus :<br><br>- Kenduri yang diadakan (1m) sempena perkahwinan.(1m)</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Adab walimatulurus :<br><br>- Tuan rumah tidak mengkhususkan jemputan kepada orang kaya sahaja.<br>- Memenuhi jemputan pada hari pertama sahaja sekiranya majlis diadakan lebih daripada sehari.<br>- Undangan tersebut untuk melahirkan kasih sayang dan mengeratkan hubungan persaudaraan.<br>- Orang yang mengundang bukan seorang yang zalim atau diketahui memiliki harta yang haram.<br>- Tidak terdapat perkara mungkar seperti minum arak serta pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
</table>



**1223/1** © 2022 Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Tujuan pensyariatan walimatulurus :<br><br>- Mensyukuri syariat Allah SWT atas perkahwinan yang didirikan.<br>- Merapatkan hubungan silaturrahim.<br>- Menghebahkan perkahwinan kepada masyarakat untuk menghindarkan sebarang fitnah.</td><td>1x 2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Jawapan KBAT : Pendapat- mengapakah Islam menganjurkan supaya diadakan majlis yang menepati syariat Islam.<br><br>RUBRIK JAWAPAN :<br><br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu bukti sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan Jawapan :<br>Pada pendapat saya, antara kebaikannya adalah dapat menghindarkan umat Islam daripada menunjukkan kemewahan yang ada ketika majlis diadakan (I-1m) dengan menjemput semua tetamu tanpa mengira darjat dan pangkat. (H-1m) Kesannya, umat Islam akan bersatu padu dan harmoni tanpa ada pergaduhan.(HL-1m) Kesimpulannya, kita hendaklah hidup berlandaskan hukum syariat agar hidup kita dirahmati Allah SWT. (K-1m)<br><br>Cadangan Isi :<br>- Mengelakkan pergaduhan sesama umat Islam.<br>- Mengelakkan pembaziran.<br>- Mengeratkan hubungan silaturrahim.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana isi jawapan yang sesuai berserta huraiannya.</td><td>I = 1m<br>H = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m<br><br>4 markah</td></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua nama sultan terkenal kerajaan Uthamaniyah :<br><br>- Sultan Uthman bin Ertughrul.<br>- Sultan Murad 1.<br>- Sultan Muhammad al- Fatih.<br>- Sultan Sulaiman al- Qanuni.</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
</table>



**1223/1** © 2022 Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | **Dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dari aspek keilmuan :<br><br>- Menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu.<br>- Perkembangan ilmu pengetahuan mencapai kedudukan yang tinggi.<br>- Perkembangan bidang pembangunan, falsafah, kesenian, seni bina dan teknikal.<br>- Menaiktaraf dan membina masjid untuk merancakkan aktiviti keagamaan. | 2 x 2m = 4m |
| | | (iii) | **Dua** iktibar yang boleh di ambil daripada pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah :<br><br>**-** Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa (1m) supaya urusan pentadbiran berjalan lancar. (1m)<br>- Kita hendaklah sentiasa memperbanyak penerokaan ilmu (1m) agar mampu bersaing di peringkat antarabangsa. (1m)<br>- Kita hendaklah sentiasa menghayati semangat cinta akan negara (1m) agar rela berkorban mempertahankan negara. (1m)<br>- Kita hendaklah sentiasa berpegang pada ajaran Islam (1m) supaya hidup diberkati Allah SWT. (1m)<br>- Kita hendaklah menolak campur tangan asing (1m) untuk menjaga kedaulatan negara. (1m)<br><br>**Catatan :**<br>***- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.*** | 2 x 2m = 4m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| **4** | (b) | (i) | **Dua** riwayat hidup Imam Syafie r.a. :<br><br>Nama : Muhammad bin Idris as-Syafie.<br>Tarikh lahir :150 H di Ghazzah.<br>Tarikh wafat : 204 H.<br>Gelaran : Abu Abdullah. | 2 x 1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** sumbangan Imam Syafie r.a. :<br><br>- Mengasaskan mazhab Syafie r.a.<br>- Menghasilkan karya hebat al-Risalah / al-Umm / al- Musnad. | 2 x 2m = 4m<br><br>Isi =1m<br>Huraian =1m |



**1223/1** © 2022 Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT : Iktibar daripada ketokohan Imam Syafie r.a. :<br><br>RUBRIK JAWAPAN :<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu bukti sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan Jawapan :<br>Pada pendapat saya, saya akan belajar bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu (I-1m) dengan melakukan tugasan yang diberikan oleh guru. (H-1m) Kesannya, saya akan memperolehi kejayaan pada masa hadapan. (HL-1m) Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa bersabar dalam menuntut ilmu sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu. (K-1m)<br><br>Cadangan Isi :<br>- Sedia berkorban masa dan tenaga untuk menguasai ilmu.<br>- Tidak mudah berputus asa di dalam setiap usaha.<br>- Memiliki semangat juang yang tinggi dalam menghadapi cabaran.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana isi jawapan yang sesuai berserta huraiannya.</td><td>I = 1m<br>H = 1m<br>HL= 1m<br>K = 1m<br><br>4 markah</td></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud orang kurang upaya :<br><br>- Seseorang yang tidak mempunyai keupayaan untuk melibatkan diri secara aktif dalam masyarakat (1m) dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindra sejak kecil atau selepasnya. (1m).<br><br>Catatan :<br>Jawapan pelajar mesti ada perkataan yang diboldkan.</td><td>2 x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Adab menjaga orang kurang upaya dari segi emosi :<br><br>- Memberikan layanan yang mesra dengan penuh kasih dan sayang terhadap mereka.<br>- Tidak memandang rendah dengan mengejek dan menghina mereka.<br><br>Catatan :<br>Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.</td><td>1 x 2m = 2m</td></tr>
</table>



1223/1 © 2022 Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | **Dua** hikmah beradab dengan orang kurang upaya :<br><br>- Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya (1m) kerana mendapat perhatian dan keistimewaan. (1m)<br>- Memupuk sifat kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat (1m) agar perpaduan dapat diwujudkan. (1m)<br>- Melahirkan rasa syukur (1m) kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna. (1m)<br>- Memudahkan orang kurang upaya (1m) untuk melakukan urusan harian. (1m)<br><br>**Catatan :**<br>***Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.*** | 2 x 2m = 4m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| **5** | (b) | (i) | Maksud alam sekitar :<br><br>- Segala benda hidup dan bukan hidup (1m) yang terdapat di sekeliling manusia. (1m) | 2 x 1m = 2m |
| | | (ii) | Adab menjaga alam sekitar :<br><br>- Sentiasa mengekalkan ekosistem kehidupan flora dan fauna (1m) agar tidak terancam dan pupus. (1m)<br>- Sentiasa memelihara alam sekitar (1m) dengan tidak melakukan sebarang kerosakan seperti penanaman semula bakau. (1m)<br>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar (1m) seperti bergotong royong membersihkan kawasan rumah dan asrama. (1m)<br>- Sentiasa menjaga kelestarian alam (1m) seperti kebersihan sungai. (1m)<br>- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam (1m) seperti amalan kitar semula. (1m)<br>- Sentiasa berhemah (1m) tidak membazir menggunakan sumber air. (1m)<br><br>**Catatan :**<br>***Mana-mana jawapan yang sesuai dan munasabah diterima.*** | 1 x 2m = 2m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| | | (iii) | **Dua** faktor berlaku pencemaran alam sekitar.<br><br>**(a) Faktor semulajadi :**<br><br>- Fenomena letusan gunung berapi (1m) yang menghasilkan asap mengakibatkan jerebu. (1m)<br>- Kejadian ribut taufan (1m) yang memusnahkan alam sekitar. (1m)<br>- Berlakunya gempa bumi (1m) yang merosakkan tanah sehingga mengakibatkan tanah runtuh. (1m) | 2 x 2m = 4m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |



**1223/1** © 2022 Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | **(b) Faktor manusia :**<br><br>- Pelepasan asap-asap kilang (1m) yang mengandungi gas-gas berbahaya menyebabkan pencemaran udara. (1m)<br>- Pelepasan sisa toksik ke dalam sungai (1m) mengakibatkan sumber air menjadi kotor. (1m)<br>- Pembuangan sisa sampah sarap (1m) yang menghasilkan bau busuk. (1m) | |
| | | (iv) | **Jawapan KBAT** : Langkah yang sesuai dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar.<br><br>**RUBRIK JAWAPAN :** (see table below)<br><br>**Cadangan Jawapan :**<br>Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang berkaitan aspek penjagaan kebersihan persekitaran. (I-1m) Hal ini amat signifikan kerana terdapat segelintir kilang yang mematuhi piawaian kebersihan. (H-1m) Akibatnya berlaku pelepasan asap kilang yang tidak terkawal sehingga menyebabkan pencemaran udara. (HL-1m) Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa bekerjasama dalam memantau aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang alam sekitar agar alam sekitar kita terpelihara. (K-1m)<br><br>**Cadangan Isi :**<br>- Mempergiat usaha kempen berasaskan pendidikan alam sekitar.<br>- Melaksanakan program penanaman semula.<br>- Memperkukuh kawalan operasi pelupusan sampah menerusi kaedah kitar semula.<br>- Memperluas penggunaan teknologi yang dapat mengawal pencemaran alam sekitar.<br><br>**Catatan :**<br>***Mana-mana isi jawapan yang sesuai berserta huraiannya.*** | I = 1m<br>H = 1m<br>HL= 1m<br>K = 1m<br><br>4 markah |

| Deskriptor | Skor |
|---|---|
| Menyatakan satu bukti sahaja. | 1m |
| Menyatakan bukti berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan dan sebagainya. | 3m |
| Menyatakan bukti berserta huraian yang lengkap yang menyatakan contoh/sebab/akibat/kesan/dalil sokongan. Kesimpulan/olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**



**1223/1** © 2022 Hak Cipta Panitia Pendidikan Islam